

Kelantan

729 pusat

pemindahan banjir mampu menempatkan lebih 150,000 mangsa

170 pangkalan

hadapan untuk menempatkan bekalan makanan dan keperluan lain

2,341 petugas

pasukan beruniform termasuk polis, tentera, Jabatan Bomba dan Penyelamat serta Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM).



Terengganu

353 pusat

pemindahan banjir mampu menempatkan lebih 49,025 mangsa

700 anggota

bomba dan 324 kakitangan kesihatan



Setiausaha MKN Kelantan, Mohamad Roslee Mamat (kiri) **meninjau keadaan paras air Sungai Golok** dekat Rantau Panjang, semalam.

[FOTO ADNAN MOHAMAD/BH]



Petugas memunggah **barang keperluan asas** ke dalam bot di jeti kargo Mersing, Johor untuk dihantar ke Pulau Tioman sebagai persiapan menghadapi musim tengkujuh.

[FOTO MOHD RAFI MAMAT/BH]

Siap siaga hadapi bah

» **Agensi keselamatan di 3 negeri Pantai Timur atur strategi berkesan**

Oleh Norliza Wasilan, Syazwan Msar, Noor Aznida Alias dan Mohd Fahmi Mohd Yusof
bhnews@bharian.com.my

Kuala Lumpur

Hujan lebat yang melanda Pantai Timur sejak seminggu lalu adalah petanda musim tengkujuh sudah bermula dan banjir boleh berlaku pada

bila-bila masa.

Sehubungan itu, semua aspek termasuk logistik, peralatan, pangkalan hadapan, anggota dan pusat pemindahan di ketiga-tiga negeri sudah siap siaga untuk menghadapi sebarang kemungkinan banjir yang lazimnya berlaku setiap hujung dan awal tahun.

Kelantan

Sebanyak 729 pusat pemindahan banjir yang mampu menempatkan lebih 150,000 mangsa dengan 170 pangkalan hadapan diwujudkan untuk menempatkan bekalan makanan dan keperluan lain dan 110 tempat pendaratan helikopter.

Seramai 2,341 petugas pasukan beruniform termasuk polis, tentera, Jabatan Bomba dan Penyelamat serta Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM) diletakkan dalam keadaan berjaga-jaga, selain lebih 1,700 petugas biasa.

Jabatan Bomba dan Penyelamat Kelantan menyediakan 74 unit pelbagai kenderaan, lori (7), bot (58),

jetski (enam), bas (dua), motosikal (enam), jaket keselamatan (564) dan set menyelam (16) untuk tujuan menyelamat.

Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Kelantan, Azmi Osman, berkata 554 anggota dan pegawai membabitkan 31 dari pasukan skuba, perkhidmatan perubatan penyelamat kecemasan (EMRS) dan HAZMAT akan terabit dengan operasi itu.

Sementara itu, Pengarah JPAM Kelantan, Zainuddin Hussin, berkata 1,000 anggotanya juga diletakkan dalam keadaan bersiap sedia.

Beliau berkata, kesiapsiagaan itu merangkumi kemudahan logistik, peralatan serta anggota untuk ditempatkan di 10 daerah risiko banjir iaitu Tumpat, Kuala Krai, Pasir Puteh, Gua Musang, Machang, Rantau Panjang, Jeli, Tanah Merah, Pasir Mas dan Kota Bharu.

Pahang

Strategi baru digunakan sebagai persiapan negeri ini menghadapi musim tengkujuh tahun ini.

Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan dan Bantuan Bencana negeri (PJBB), Datuk Seri Mohamad Saffian Ismail, berkata antara strategi itu termasuk memfokus pemindahan awal kumpulan ber-



“Terengganu sudah membuat persiapan rapi bagi **menghadapi kemungkinan banjir pada bila-bila masa**, berikutan peningkatan taburan hujan sejak seminggu lalu”

Tajul Ariffin Muhammad
Setiausaha Keselamatan
Majlis Keselamatan Negeri



Penduduk Kampung Cherok Paloh, Kuantan **membaiki benteng pasir** sebagai persediaan menghadapi musim tengkujuh.

[FOTO LUQMAN HAKIM ZUBIR/BH]



siko seperti wanita mengandung, pesakit kronik dan orang kurang upaya.

Dalam pada itu, beliau berkata, 572 pusat pemindahan yang mampu menempatkan kira-kira 127,000 penduduk sudah dikenal pasti di seluruh Pahang, manakala 78 pangkalan hadapan dibuka.

"Bekalan makanan dan keperluan asas sudah mula dihantar sejak bulan lalu ke pangkalan hadapan di Kuala Tembeling dan Pulau Tioman kerana lokasi itu dijangka terjejas teruk.

"Kerajaan negeri menyediakan peruntukan kira-kira RM3 juta untuk menghadapi banjir, dengan RM2 juta bagi bekalan makanan dan keperluan asas," katanya.

Sementara itu, 1,000 sukarelawan Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM) kini diletakkan dalam keadaan bersiap sedia, termasuk membuat rondaan secara berkala di kawasan pantai peranginan terkenal di daerah ini.

Terengganu

Terengganu sudah membuat persiapan rapi bagi menghadapi kemungkinan banjir pada bila-bila masa, berikutan peningkatan taburan hujan sejak seminggu lalu.

Setiausaha Keselamatan Majlis Keselamatan Negeri (MKN), Tajul Ariffin Muhammad, berkata 112 pangkalan hadapan dan 353 pusat pemindahan banjir yang mampu menempatkan 49,025 mangsa sudah disediakan untuk tujuan itu.



Anggota JPAM Terengganu menjalani latihan menyelamat di tasik berhampiran Kompleks Sukan Gong Badak, Kuala Terengganu.

[FOTO ROZAINAH ZAKARIA/BH]



Pengarah JKM Terengganu, Zahimi Omar (Kanan) memeriksa barangan asas untuk mangsa banjir di depot keperluan bencana JKM Pulau Kerengga, Marang.

Pangkalan hadapan itu termasuk dua di Kuala Terengganu, Kemaman (15), Dungun (sembilan), Besut (26), Hulu Terengganu (32), Marang (13) dan Setiu (15).

Tajul Ariffin berkata, 40 lokasi pendaratan helikopter, selain bekalan makanan dan barangan asas untuk mangsa banjir juga sudah dihantar Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) ke semua pangkalan hadapan.

"Sebanyak 15 Balai Bomba di seluruh negeri akan beroperasi dengan bantuan lebih 700 anggota yang akan membuat rondaan bagi mengawasi kawasan berisiko mengalami banjir. Jabatan Bomba dan Penyelamat membabitkan 36 bot dan tujuh lori pengangkut

"Jabatan Kesihatan turut menyediakan 41 pasukan perubatan dan 40 pasukan kesihatan membabitkan 324 orang," katanya.

Johor Bahru

Hujan lebat berterusan di beberapa kawasan menyebabkan 96 mangsa daripada 19 keluarga di daerah Kota Tinggi dan Batu Pahat

dipindahkan ke pusat pemindahan sementara.

Sehingga jam 3 petang semalam, Majlis Keselamatan Negara (MKN) menerusi portal banjir di laman sesawang memaklumkan tiga pusat pemindahan dibuka di dua daerah itu.

Pusat berkenaan di Dewan Kampung Baru Datuk Ghani Othman, Pengerang serta Sekolah Kebangsaan (SK) Sri Bandan dan SK Kota Dalam, Batu Pahat.

Seramai 59 mangsa daripada 13 keluarga di Kampung Baru Datuk Ghani Othman, apabila hampir 34 rumah di kampung terbabit terjejas akibat banjir.



Pegawai Juruteknik bahagian Sumber Air dan Hidrologi Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Kelantan memeriksa Tolok Lurus bagi membaca aras air sungai ketika banjir.

[FOTO NIK ABDULLAH NIK OMAR/BH]



Anggota JPAM memeriksa bot sebagai persediaan menghadapi banjir di Pejabat JPAM Kuantan.

[FOTO LUQMAN HAKIM ZUBIR/BH]

Amaran angin kencang, laut bergelora

Kuala Lumpur: Amaran angin kencang dan laut bergelora di perairan Pantai Timur dinaikkan taraf ke kategori kedua mulai semalam dengan ombak dijangka mencapai ketinggian sehingga 4.5 meter.

Menurut Jabatan Meteorologi Malaysia dalam satu kenyataan di sini, angin kencang Timur Laut dengan kelajuan 50-60 kilometer sejam (kmsj) dijangka berlaku di kawasan perairan Kelantan, Terengganu, Samui, Condore, Reef North, Layang-Layang dan Palawan sehingga 3 Januari depan.

Sementara itu, angin kencang dengan kelajuan 40-50 kmsj berserta ombak mencapai ketinggian sehingga 3.5 meter dijangka berlaku di perairan Pahang, Johor Timur, Tioman, pedalaman Sabah, serta Pantai Barat, Kudat dan Sandakan di negeri itu, Labuan, Sarawak, Bunguran, Reef South dan Sulu secara berterusan dalam tempoh masa sama.

Sementara kawasan pantai Kelantan, Terengganu, Pahang dan Johor Timur dijangka terdedah kepada kejadian kenaikan paras air laut secara berterusan sehingga Rabu depan, menurut jabatan itu.

Kedua amaran angin kencang dan laut bergelora itu adalah berbahaya kepada aktiviti perkapalan, perkhidmatan feri bot kecil, rekreasi laut, sukan laut dan termasuk penangkapan ikan.

BERNAMA